



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) MENGENAI PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2022;**

**LKAN PENYATA KEWANGAN DAN PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI
PERSEKUTUAN TAHUN 2021; DAN**

**LKAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI
SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
NEGERI TAHUN 2022**

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada hari ini, iaitu 10 Oktober 2023 setelah mendapat perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 26 September 2023.
2. LKAN ini terdiri daripada 15 naskhah seperti berikut:
 - 2.1. Dua naskhah LKAN peringkat Persekutuan iaitu:
 - (a) LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022; dan
 - (b) LKAN mengenai Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2021.
 - 2.2. Sebanyak 13 naskhah LKAN peringkat negeri, iaitu LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2022.

3. Pada hari pembentangan, Jabatan Audit Negara akan memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama penemuan Audit yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) di Parlimen.
4. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

4.1. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

4.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Rekod perakaunannya juga telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Justeru, Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain telah dikeluarkan.

4.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan

Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022 adalah seperti berikut:

- a. Pada tahun 2022, **hasil** Kerajaan Persekutuan berjumlah RM294.357 bilion, iaitu meningkat RM60.605 bilion atau 25.9% (2021: RM233.752 bilion).
- b. Peruntukan muktamad **perbelanjaan mengurus** yang diluluskan ialah RM236.966 bilion, manakala perbelanjaan mengurus berjumlah RM292.693 bilion. Lebihan hasil sebanyak RM1.664 bilion telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan menjadikan perbelanjaan mengurus sebenar pada tahun 2022 berjumlah RM294.357 bilion. Perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap merupakan perbelanjaan tertinggi [RM170.243 bilion atau 57.8%] daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus.
- c. **Perbelanjaan pembangunan** kementerian dan jabatan Persekutuan yang telah dibelanjakan berjumlah RM71.574 bilion atau 104.5% berbanding peruntukan diluluskan. Termasuk dalam perbelanjaan pembangunan ialah sejumlah RM6.068 bilion yang dikenakan dalam tempoh Akaun Kena Bayar. Perbelanjaan ini adalah di peringkat Kementerian Kewangan dan melibatkan penyaluran peruntukan kepada syarikat DanaInfra Nasional Berhad, Prasarana Malaysia Berhad serta Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.. Sejumlah RM17.086 bilion

telah dibelanjakan bagi pelunasan komitmen jaminan, iaitu meningkat sebanyak RM7.439 bilion atau 77.1% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM9.647 bilion.

- d. **Perbelanjaan Kumpulan Wang Covid-19** pada tahun 2022 berjumlah RM30.979 bilion. Perbelanjaan tertinggi melibatkan Program Sokongan Bantuan Sosial untuk Golongan Mudah Terjejas (RM9.043 bilion), Program Bantuan Prihatin Nasional (RM7.910 bilion), Program Diskaun Bil Elektrik (RM5.876 bilion), Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan dan Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan (RM2.323 bilion) dan Program Peruntukan bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19 (RM1.848 bilion).
- e. Kerajaan Persekutuan terus berada dalam kedudukan defisit berjumlah RM99.482 bilion dengan nisbah 5.6% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2022. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman bersih dari dalam dan luar negeri yang berjumlah RM99.837 bilion. Terimaan pinjaman kasar adalah RM231.365 bilion pada tahun 2022, iaitu lebih tinggi sebanyak RM14.164 bilion atau 6.5% (2021: RM217.201 bilion). Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan komitmen bayaran prinsipal pinjaman matang yang lebih tinggi berjumlah RM131.528 bilion (2021: RM113.764 bilion).
- f. **Hutang Persekutuan** pada akhir tahun 2022 adalah RM1,079.591 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM99.777 bilion atau 10.2% (2021: RM979.814 bilion). Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK adalah pada kadar 60.3%. Nisbah statutori Hutang Persekutuan yang melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia berjumlah RM1.032 trilion adalah pada nisbah 57.6% kepada KDNK. Nisbah ini adalah di bawah had statutori 65% kepada KDNK yang berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2022.
- g. Liabiliti **Kewangan** terdiri daripada Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta (Liabiliti PFI), Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti berjumlah RM319.571 bilion pada tahun 2022 (2021: RM325.232 bilion). Liabiliti PFI berjumlah RM34.492 bilion pada tahun 2022. Kedudukan baki ini berkurangan sejumlah RM1.083 bilion atau 3% (2021: RM35.575 bilion). Sejumlah RM2.493 bilion telah dibelanjakan bagi melunaskan prinsipal pinjaman dan bayaran faedah.
- h. Kedudukan **Liabiliti Persekutuan** berjumlah RM1.399 trilion, iaitu meningkat sebanyak RM94.116 bilion atau 7.2% (2021: RM1.305 trilion). Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK adalah 78.1%, iaitu menurun berbanding 84.3% pada tahun 2021.

4.2. LKAN Mengenai Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2021

4.2.1. LKAN Tahun 2021 ini yang sepatutnya dibentangkan pada bulan Mac 2023 telah dibawa ke mesyuarat Dewan Rakyat pada kali ini.

4.2.2. Setakat 31 Disember 2022, 141 penyata kewangan telah siap diaudit dan dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara manakala empat (4) penyata kewangan masih dalam proses pengauditan. Daripada 141 penyata kewangan tersebut, 102 penyata kewangan telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran, 21 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara dan 18 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Berteguran.

4.2.3. Pengauditan pematuhan turut dijalankan terhadap lapan (8) Agensi Persekutuan melibatkan sejumlah 13 isu yang dibangkitkan. Setakat 9 Oktober 2023, sebanyak empat (4) isu (31%) telah selesai manakala sembilan (9) isu (69%) sedang dalam tindakan agensi Persekutuan berkenaan. Antara isu berbangkit termasuk pembayaran tidak teratur, kehilangan hasil dan isu pengurusan signifikan.

4.3. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2022

4.3.1. Sijil Ketua Audit Negara bagi 13 penyata kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah selesai dikeluarkan sehingga bulan Ogos 2023.

5. Semua pegawai pengawal/pegawai kewangan negeri/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit.
6. Ketua Audit Negara juga telah mengemukakan 24 syor kepada kementerian/jabatan dan agensi Persekutuan, dan 121 syor kepada kementerian/jabatan dan agensi Negeri untuk tujuan penambahbaikan.
7. LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022; dan LKAN mengenai Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2021 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangan di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 10 Oktober 2023 jam 10.00 pagi. LKAN

peringkat negeri pula yang melibatkan 13 negeri akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangan di Dewan Undangan Negeri masing-masing.

8. Isu-isu LKAN yang berkaitan dengan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2021 akan dimuat naik di Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (*Auditor General's Dashboard* - AGD) pada 10 Oktober 2023 mulai jam 10.30 pagi. AGD merupakan platform bagi membolehkan isu dan maklum balas terkini LKAN dipaparkan dalam talian secara telus, padat dan tepat kepada Rakyat. Mulai tahun 2023, isu-isu LKAN juga akan dibentangkan secara berkala dalam Mesyuarat Jemaah Menteri supaya setiap isu dilaporkan dapat diambil tindakan yang lebih berkesan. AGD boleh dicapai melalui alamat <https://agdashboard.audit.gov.my/>.
9. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan ini bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara
Malaysia

10 Oktober 2023



<https://lkan.audit.gov.my/>